

**KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
23 JUN 2023**

---

**1. BIL CUKAI TAKSIRAN PENGGAL KEDUA 2023**

Dimaklumkan bahawa pemilik premis yang telah mengemaskini maklumat alamat e-mel dan nombor telefon bimbit akan mula menerima *CyberBill* cukai taksiran penggal kedua 2023 melalui sms dan e-mel dari 26 Jun 2023 hingga 28 Jun 2023. Manakala bagi yang belum mendaftar *CyberBill*, pemilik premis akan menerima bil fizikal secara berperingkat mulai 1 Julai 2023. Pembayaran perlu dijelaskan selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2023. Adalah dinasihatkan kepada pemilik yang belum mengemaskini maklumat nombor telefon dan e-mel, sila berbuat demikian dengan kadar SEGERA memandangkan tiada lagi bil fizikal yang akan dikeluarkan pada penghantaran bil cukai taksiran akan datang secara berperingkat. Sila imbas KOD QR yang telah disediakan pada bil untuk tujuan kemaskini. Pemilik premis juga disarankan supaya memuat turun aplikasi ASPIRE Seberang Perai untuk memudahkan urusan semakan bil cukai taksiran terkini secara digital dan terus membuat bayaran melalui aplikasi berkenaan. Sila hubungi helpdesk cukai taksiran di talian

04- 5497470 / 471 / 696 / 697 untuk maklumat lanjut mengenai bil cukai taksiran anda atau emel di [waran@mbasp.gov.my](mailto:waran@mbasp.gov.my)

## **2. PROMOSI “JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN MBSP PENGGAL 2/2023 SERTA PROMOSI KHAS TAJAAN ASPIRE SEBERANG PERAI”**

Promosi “JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN MBSP PENGGAL 2/2023 SERTA PROMOSI KHAS TAJAAN ASPIRE SEBERANG PERAI” bagi bil cukai taksiran penggal 2/2023 akan bermula pada 1 Julai 2023 dan bakal tamat pada 31 Ogos 2023. Promosi ini diadakan sebagai galakan berterusan kepada warga Seberang Perai supaya membayar cukai taksiran serta menjelaskan tunggakan dalam tempoh yang ditetapkan dengan menggunakan mana-mana platform saluran pembayaran secara dalam talian (online) atau melalui kiosk serta agensi kutipan yang telah dilantik oleh MBSP. Promosi kali ini juga turut dimeriahkan lagi dengan hadiah khas cabutan berganda tajaan ASPIRE Seberang Perai bagi pembayaran yang dibuat sepenuhnya melalui platform ASPIRE Seberang Perai. Berikut adalah senarai hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan:

## **KATEGORI 1 : HADIAH UTAMA TAJAAN MBSP**

Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

| <b>Kedudukan Hadiah</b> | <b>Jenis Hadiah</b> |
|-------------------------|---------------------|
| Tempat Pertama          | Wang Tunai RM5,555  |
| Tempat Ke- 2            | Wang Tunai RM3,000  |
| Tempat Ke- 3            | Wang Tunai RM2,000  |
| Tempat Ke- 4            | Wang Tunai RM1,000  |
| Tempat Ke- 5            | Wang Tunai RM500    |

## **KATEGORI 2: HADIAH TAJAAN ASPIRE SEBERANG PERAI**

Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

| <b>Kedudukan Hadiah</b> | <b>Jenis Hadiah</b>             |
|-------------------------|---------------------------------|
| Tempat Pertama          | LEM Folding Bike (RM1,300)      |
| Tempat Ke- 2            | LEM e-BIKE with Paddle (RM1299) |
| Tempat Ke- 3            | Electric Scooter (RM1,099)      |

Cabutan nama pemenang yang bertuah akan ditentukan pada bulan September 2023 nanti. Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai saluran pembayaran yang disediakan, sila layari laman web MBSP di <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi talian helpdesk cukai taksiran di 04-5497470/ 471/ 697/ 696 atau e-mel di [waran@mbsp.gov.my](mailto:waran@mbsp.gov.my)

### **3. OPERATION : CROW SHARPSHOOTER (OPS CROSS) MBSP 2023**

OPS CROSS Mini 1 dan OPS CROSS Mini 2 telah dijalankan pada 4 Februari 2023 dan 6 Mei 2023 di seluruh Seberang Perai. Sebanyak 15 lokasi *hotspot* telah dipilih yang melibatkan seramai 15 orang penembak berlesen bagi OPS CROSS Mini 2023.

Secara keseluruhan bagi kedua-dua Edisi OPS CROSS Mini 2023, sebanyak 4,054 ekor gagak telah berjaya dilupuskan.

Terkini, OPS CROSS Mega 1 Seberang Perai Tengah telah dijalankan pada 17 Jun 2023. Sebanyak 15 lokasi *hotspot* telah dipilih yang melibatkan seramai 79 orang penembak berlesen. Operasi ini telah berjaya melakar rekod tertinggi tembakan dengan 5,262 ekor burung gagak telah berjaya dilupuskan dalam satu operasi. OPS CROSS Mega 2 akan diteruskan di Daerah Seberang Perai Utara yang akan diadakan pada 15 Julai 2023.

Diharapkan usaha ini dapat mengurangkan populasi burung gagak yang terlalu banyak di Seberang Perai sehingga menyebabkan kacau ganggu kepada penduduk.

#### **4. MBSP MELARANG PENGOPERASIAN TANPA SIJIL PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC)**

MBSP melarang pengoperasian premis tanpa Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC). MBSP telah mengambil tindakan pendakwaan terhadap sebuah taman tema air di kawasan Seberang Perai Utara.

Pada 22 Mei 2023, Orang Kena Saman (OKS) telah mengaku salah di atas pertuduhan membenarkan sesuatu bangunan diduduki tanpa perakuan siap dan pematuhan (CCC) di bawah seksyen 70(27)(f) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM250,000.00. Mahkamah Sesyen Butterworth telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 115,000.00 dan OKS telah menjelaskan denda tersebut di Mahkamah yang sama.

MBSP dengan ini mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai agar sentiasa mematuhi undang-undang dan tidak sewenang-wenangnya menduduki atau membenarkan untuk diduduki premis yang tidak mempunyai Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC).

Turut dinasihatkan agar kita semua mematuhi notis-notis dan syarat-syarat yang telah dikeluarkan oleh MBSP.

## **5. MBSP MELARANG PREMIS PERNIAGAAN BERNIAGA TANPA LESEN YANG SAH**

Semua premis yang menjalankan perniagaan di seluruh kawasan Seberang Perai hendaklah mempunyai lesen perniagaan daripada MBSP. MBSP mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu atau syarikat yang didapati menjalankan perniagaan tanpa lesen.

MBSP telah menjalankan pendakwaan terhadap peniaga yang menjalankan perniagaan tanpa lesen di sebuah Pangsapuri Kos Rendah di Lorong Tuna, Seberang Jaya. Pada 11 Mei 2023, Orang Kena Saman (OKS) telah hadir ke Mahkamah dan mengaku salah, Mahkamah Majistret Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 1000.00 atau gagal bayar berdepan dengan 7 hari penjara. Sekiranya OKS masih menjalankan perniagaan denda berterusan akan dikenakan sebanyak RM20.00 pada setiap hari dari tarikh hukuman dijatuhkan.

MBSP dengan ini mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai agar sentiasa mematuhi undang-undang dan tidak sewenang-wenangnya menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah daripada pihak berkuasa tempatan.

MBSP mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu atau syarikat yang didapati menjalankan perniagaan tanpa lesen. Turut dinasihatkan agar kita semua mematuhi notis-notis dan syarat-syarat yang telah dikeluarkan oleh MBSP.

## **6. MBSP MELARANG PEMAJUAN TANPA KEBENARAN MERANCANG YANG DILULUSKAN**

Semua pemajuan di seluruh Kawasan Seberang Perai, hendaklah mempunyai kebenaran merancang daripada MBSP. MBSP telah menjalankan pendakwaan terhadap tuan tanah di Seberang Perai Selatan di mana di atas tanah tersebut mempunyai sebuah kilang yang dibina tanpa kebenaran merancang daripada MBSP.

Pada 31 Mei 2023, Mahkamah telah membuat keputusan bahawa pihak Pembelaan telah gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan di atas pertuduhan menjalankan kerja-kerja pemajuan kilang tanpa kebenaran

diberikan terlebih dahulu oleh MBSP. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 10,000.00 dan Orang Kena Saman (OKS) telah menjelaskan denda tersebut di Mahkamah pada hari yang sama.

MBSP dengan ini mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai agar sentiasa mematuhi undang-undang dan tidak sewenang-wenangnya menjalankan kerja-kerja pemajuan kilang tanpa kebenaran diberikan terlebih dahulu oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

Turut dinasihatkan agar kita semua mematuhi notis-notis yang telah dikeluarkan oleh MBSP.

## **7. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL ADHA**

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada semua umat Islam yang akan menyambutnya pada 29 Jun 2023 (Khamis). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.



## **8. SAMBUTAN HARI BANDAR WARISAN DUNIA GEORGETOWN**

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Bandar Warisan Dunia Georgetown yang bakal diraikan pada 7 Julai 2023 (Jumaat). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

## **9. SAMBUTAN HARI ULANG KE-74 TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Sambutan Hari Lahir Tuan Yang Terutama Yang Di-pertua Negeri Pulau Pinang yang bakal diraikan pada 8 Julai 2023 (Sabtu). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am. Kami mendoakan kesejahteraan dan kesihatan yang baik dikurniakan kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Khadijah Binti Mohd Nor dan seisi keluarga.

## **10. AWAL MUHARRAM**

Adaaah dimaklumkan bahawa Awal Muharram (Maal Hijrah) 1445 Hijrah tahun ini adalah bersamaan dengan 19 Julai 2023 (Rabu) dan merupakan Hari Kelepasan Am.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**